

Headline	22 pasukan hoki berentap Liga Hoki TNB Kedah 2018		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	01 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Page No	51
ArticleSize	188 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,951		



22 pasukan hoki berentap Liga Hoki TNB Kedah 2018

SUNGAI PETANI - Sebanyak 22 pasukan menyertai Liga Hoki TNB Kedah 2018 bagi kategori sekolah dan senior yang bermula 11 Oktober lalu.

Setiausaha Kehormat Persatuan Hoki Kedah (KHA), B Sandra Gesan berkata, liga tersebut yang telah memasuki penganjuran kali ketiga akan berlangsung di Stadium Hoki Majlis Perbandaran Sungai Petani, di sini. Menurutnya, semua perlawanan dijalankan pada setiap

Khamis hingga Sabtu dan liga tersebut ditaja oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malaysia Hockey Confederatin (HKC).

"Liga ini adalah platform untuk memberi peluang kepada semua pemain di Kedah bergiat aktif dalam sukan hoki.

"Kejohanan ini juga adalah medan mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan ke pentas hoki kebangsaan, terutamanya memilih pemain-pemain bawah 21

tahun mewakili Kedah ke Sukan Malaysia (Sukma) 2020," katanya ketika dihubungi Sukan Sinar.

Tambah Sandra, tahun ini KHA memperkenalkan kategori sekolah dalam usaha untuk memupuk minat pelajar sekolah dengan sukan tersebut.

Pada Liga Hoki Edisi 2017, Persatuan Hoki Daerah Kuala Muda muncul Johan selepas mengalahkan Sportshop DKOne 6-0 pada perlawanan akhir.



Pasukan juara hingga tempat keempat keempat bergambar kenangan selepas majlis penyampaian Liga Hoki TNB Kedah 2017 yang disampaikan Timbalan Presiden MHC, Dato Prof S Shamala.